

**PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN SUBJEK
JABATAN 2006**

KOD KERTAS : 2006

**S 7 CD
(GRED S17)**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen 1 dan Seksyen 2.

Seksyen 1 (A) dan 1 (B) : Jawab semua soalan.

Seksyen 2 : Jawab empat (4) daripada enam (6) soalan.

SEKSYEN 1(A) : Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

**Baca dengan teliti kenyataan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat.
Tulis jawapan dalam bentuk huruf A, B, C atau D pada kertas jawapan anda.**

1. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-8, nilai bantuan untuk projek-projek pemprosesan makanan Program Industri Kecil (SSI) adalah
 - A RM 8,000 – RM 15,000
 - B RM 10,000 – RM 50,000
 - C RM 50,000 – RM 80,000
 - D RM 50,000 – RM 200,000
2. Tempoh perlaksanaan Program Bimbingan Usahawan (EGP) di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ialah
 - A 3 tahun
 - B 4 tahun
 - C 5 tahun
 - D 5 tahun ke atas
3. Program Pembangunan Ekonomi Wanita dalam Rancangan Malaysia Kelapan memberi tumpuan kepada pembangunan
 - A Kraf
 - B Makanan
 - C Ternakan
 - D Usahawan Wanita

4. Penyakit "Scurvy" adalah sejenis penyakit yang disebabkan oleh kekurangan zat
 - A Vitamin A
 - B Vitamin B
 - C Vitamin C
 - D Vitamin D
5. Kekurangan protein boleh menyebabkan seseorang mengalami
 - A kecacatan tulang
 - B kulit kasar dan kering
 - C *anaemia* dan nafas pendek
 - D kehilangan selera dan lesu
6. Sumber yang baik untuk mendapat zat kalsium ialah
 - A bijirin, kacang, yis dan hati
 - B hasil tenusu, ikan, tiram dan tofu
 - C garam, makanan laut, daging dan bijirin
 - D kuning telur, mentega, marjerin dan minyak kelapa
7. Kawalan mutu perlu diwujudkan di kilang pemprosesan makanan untuk
 - I memenuhi piawaian
 - II mengelakkan keracunan
 - III bersaing dalam pasaran
 - IV mengelakkan pembaziran
 - A I
 - B I dan II
 - C I, II dan III
 - D I, II, III dan IV

8. Puan Salbiah adalah seorang usahawan yang terlibat dalam pemprosesan kuih asli. Jumlah jualan produk yang diperolehi beliau ialah RM 500, di mana RM 100 dibelanjakan untuk membeli bahan mentah dan RM 50 untuk pembungkusan.
- Berapakah keuntungan sebenar yang diperolehi Puan Salbiah?
- A RM300
 - B RM350
 - C RM400
 - D RM450
9. Keperluan asas dalam kehidupan seseorang adalah
- A Makanan, kediaman, kesihatan dan agama
 - B Kediaman, pendidikan, kesihatan, wang dan agama
 - C Makanan, pakaian, kediaman, kenderaan dan wang
 - D Makanan, pakaian, kediaman, pendidikan dan kesihatan
10. Sesebuah keluarga perlu melakukan pengurusan sumber kewangan keluarga
- A bagi mengatasi masalah tekanan inflasi
 - B membantu keluarga menjadi pengguna yang bijak
 - C supaya perbelanjaan dibuat bersesuaian dengan pendapatan
 - D untuk memenuhi semua kehendak keluarga yang seringkali tidak terbatas

SEKSYEN 1 (B) : Soalan Pendek (20 markah)

Berikan jawapan yang ringkas bagi soalan berikut.

Soalan 1

Senaraikan **EMPAT (4)** jenis aktiviti yang boleh diberi bantuan di bawah Program Bimbingan Usahawan (EGP) dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

(4 markah)

Soalan 2

Senaraikan **DUA (2)** ciri keluarga bahagia.

(4 markah)

Soalan 3

Nyatakan visi Seksyen Pembangunan Ekonomi Wanita.

(4 markah)

Soalan 4

Senaraikan **DUA (2)** objektif Program Pembangunan Produk (FDP) dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

(4 markah)

Soalan 5

Nyatakan **EMPAT (4)** kumpulan makanan utama.

(4 markah)

SEKSYEN 2 : Soalan Esei (60 markah)

Jawab empat (4) soalan sahaja daripada enam soalan berikut.

Soalan 1

- (a) Senaraikan **LIMA (5)** zat utama dalam makanan dan nyatakan fungsinya kepada tubuh badan manusia.

(10 markah)

- (b) Berikan **SATU (1)** contoh sumber makanan yang baik bagi SETIAP zat yang dinyatakan di atas.

(5 markah)

Soalan 2

- (a) Apakah definisi makanan seimbang?

(4 markah)

- (b) Senaraikan **TIGA (3)** faktor yang perlu diambil kira dalam merancang hidangan untuk seisi keluarga.

(6 Markah)

- (c) Berikan **SATU (1)** contoh menu yang seimbang untuk kanak-kanak sekolah.

(5 markah)

Soalan 3

- (a) Nyatakan objektif Program Pembangunan Keluarga.

(5 markah)

- (b) Senaraikan **EMPAT (4)** aktiviti yang dilaksanakan di bawah program tersebut.

(6 Markah)

Soalan 4

- (a) Nyatakan **LIMA (5)** kriteria pemilihan bagi menyertai program Program Industri Kecil (SSI). **(10 markah)**
- (b) Senaraikan **LIMA (5)** jenis projek atau aktiviti yang boleh dibiayai di bawah program tersebut. **(5 Markah)**

Soalan 5

- (a) Nyatakan **TIGA (3)** tujuan utama pembungkusan. **(6 markah)**
- (b) Senaraikan **TIGA (3)** ciri bahan yang boleh digunakan untuk pembungkusan. **(9 markah)**

Soalan 6

- (a) Senaraikan **TIGA (3)** tujuan promosi dalam pemasaran. **(6 markah)**
- (b) Senaraikan dan huraikan **TIGA (3)** cara promosi yang biasa digunakan. **(9 Markah)**